GH1.	PEGAWAI PENYELIDIK KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) KEKOSONGAN=7

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding atau Kelulusan Profesional dalam bidang bersesuaian.

2. Mempunyai bidang Lughah Arabia / Syariah Islamiah / Usuluddin adalah satu kelebihan.

3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Asing adalah kelebihan.

4. Berumur diantara 18 tahun hingga 30 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELIDIK:

1. Meningkatkan kepentingan Negara melalui perhubungan dengan Negara-Negara lain di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa dan juga melalui pertubuhan-pertubuhan berbagai hala yang mana Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli.

2. Mengikuti, membuat kertas kerja serta penilaian dan cadangan kedudukan Negara terhadap perkembangan dua hala, serantau dan antarabangsa di bidang-bidang seperti politik, keselamatan, ekonomi dan sosial.

3. Membuat penyelidikan dan menyediakan kertas kerja mengenai cadangan dan sokongan dasar luar Negara Brunei Darussalam dan Penubuhan hubungan diplomatik dengan negara luar.

4. Menyediakan brief dan laporan untuk sesuatu lawatan tertentu dan mesyuarat-mesyuarat dua hala dan berbagai hala serta mengambil tindakan-tindakan lanjut terhadap mesyuarat-mesyuarat yang telah dihadiri.

5. Membuat kerja-kerja protokol seperti dalam bidang majlis, lawatan pembesar-pembesar Negara ke luar negeri, lawatan pembesar-pembesar asing ke Negara Brunei Darussalam, hal ehwal konsular dan kebajikan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negeri termasuk pengurusan pasport, visa dan sebagainya.

6. Membuat kerja-kerja pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan di perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri termasuk hal ehwal kewangan, perjawatan, kebajikan pegawai dan kakitangan, pengurusan hartabenda da sebagainya berdasarkan kepada peraturan yang berjalan pada masa ini.

7. Hendaklah bersedia untuk bekerja di luar waktu pejabat, berkhidmat di luar negeri apabila dikehendaki serta bersedia bekerja luar waktu pejabat semasa krisis politik dan keselamatan yang terjadi di negara-negara yang mempunyai kepentingan dengan Negara Brunei Darussalam.

8. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pihak atasan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.